

PRINSIP HAK ASASI MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA DAN HUKUM SYARAK: SUATU PERBANDINGAN

(*Human Rights Principles According to International Law and
Syariah Perspectives: A Comparison*)

Mohd. Hisham Mohd. Kamal
mkmhisham@jiu.edu.my

Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Abstrak

Makalah ini menggunakan pendekatan perbandingan untuk menganalisis empat hak sivil dan politik, iaitu kebebasan diri, kebebasan beragama, kesamarataan gender dan kebebasan bersuara dari perspektif undang-undang antarabangsa dan hukum syarak. Analisis mendapati undang-undang negara yang bersifat sekular sangat jelas berbeza daripada hukum yang berasaskan agama. Hukum syarak mengandungi batasan dan larangan (untuk tidak berbuat dosa) yang tidak diiktiraf dalam undang-undang hak asasi manusia antarabangsa. Hasil kajian mendapati hanya hak kebebasan diri mempunyai persamaan antara kedua-dua undang-undang ini.

Kata kunci: hak asasi manusia, undang-undang antarabangsa, hukum syarak, kebebasan diri, kebebasan beragama, kesamarataan gender, kebebasan bersuara

Abstract

This article uses the comparative approach in analyzing four civil and political rights namely personal liberty, freedom of religion, gender equality and freedom of speech from international law and syariah perspectives. The analysis finds that the secular law of nations clearly differs from the religious law. Syariah contains restrictions and prohibitions (from

committing sins) which are not recognized by the international human rights law. Nevertheless there are similarities between the two laws with regard to the aspect of personal liberty.

Keywords: human rights, international law, syariah, personal liberty, freedom of religion, gender equality, freedom of expression

PENDAHULUAN

Hak asasi manusia ialah hak dan kebebasan yang ada pada diri seseorang. Dari awal kemunculan konsep ini lagi, wacana hak asasi manusia menyaksikan perdebatan antara dunia demokrasi Barat dengan dunia komunis, kemudiannya antara negara maju dengan negara membangun, dan kini antara Barat dengan Islam. Makalah ini menganalisis beberapa aspek hak asasi manusia dari perspektif undang-undang antarabangsa dan hukum syarak. Hak asasi yang dianalisis adalah dari segi hak sivil dan politik, iaitu kebebasan diri, kebebasan beragama, kesamarataan gender dan kebebasan bersuara. Untuk tujuan analisis dari perspektif undang-undang antarabangsa, rujukan dibuat berdasarkan instrumen hak asasi manusia antarabangsa. Bagi tujuan analisis dari perspektif hukum syarak pula, rujukan dibuat berdasarkan sumber utama undang-undang Islam, iaitu al-Quran dan sunah. Makalah akan menjelaskan konsep hak asasi manusia menurut undang-undang antarabangsa dan disusuli dengan konsep Islam, serta analisis terhadap keempat-empat aspek hak asasi manusia.

KONSEP HAK ASASI MANUSIA MENURUT UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA

Perkara yang menjadi asas dalam undang-undang hak asasi manusia antarabangsa ialah penyediaan perlindungan undang-undang bagi setiap manusia. Semua individu mempunyai hak yang tidak boleh dinafikan oleh masyarakat atau negara. Undang-undang hak asasi manusia antarabangsa melindungi hak asasi manusia daripada pencabulan oleh kerajaan. Undang-undang hak asasi manusia antarabangsa digubal oleh negara menerusi perjanjian dan amalan. Konsep perlindungan hak asasi manusia antarabangsa bersifat

revolusi kerana doktrin undang-undang antarabangsa tradisional tidak mempunyai tempat untuk hak asasi manusia. Perubahan paradigma masyarakat antarabangsa tentang hak asasi manusia tercetus daripada kesan tragedi kemanusiaan semasa Perang Dunia Kedua.

Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam mukadimahnya meletakkan keyakinan kepada negara anggota tentang hak asasi manusia, maruah dan nilai manusia, serta hak yang sama bagi lelaki dan wanita. Perkara 1(3) menyenaraikan tujuan PBB untuk memupuk dan menggalakkan penghormatan terhadap hak asasi manusia dan kebebasan asasi kepada semua manusia tanpa membezakan bangsa, jantina, bahasa atau agama. Dalam perkara 55 dan 56, negara anggota berikrar untuk mengambil tindakan bersama dan berasingan bagi mencapai maksud penghormatan sejagat, serta pematuhan hak dan kebebasan asasi bagi semua manusia. Walau bagaimanapun, ikrar tersebut lemah kerana Piagam PBB tidak menyenaraikan hak asasi manusia yang perlu dihormati oleh negara¹.

Bagi mengisi kelompongan tersebut, instrumen pertama yang menyenaraikan hak asasi manusia diwujudkan, iaitu Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia 1948 (*Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) yang diluluskan sebagai sebuah resolusi perhimpunan agung dengan 48 undi menyokong, tiada undi menentang dan lapan undi berkecuali. Negara yang berkecuali ialah Arab Saudi, Afrika Selatan dan negara komunis seperti Belarus, Czechoslovakia, Poland, Ukraine, Kesatuan Soviet dan Yugoslavia. Sebagai suatu resolusi perhimpunan agung, perisytiharan ini tidak mengikat walau terhadap negara yang mengundi dan menyokongnya. Dengan kata lain, prinsip dalam resolusi ini merupakan prinsip tak mengikat (*soft law*). Semasa penggubalan perisytiharan ini, Penggerusi Suruhanjaya Hak Asasi PBB, Eleanor Roosevelt menjelaskan bahawa UDHR bukanlah satu perjanjian antarabangsa, dan bukanlah satu kenyataan undang-undang atau tanggungjawab perundangan, tetapi sebaliknya

1 Abdul Ghafur Hamid @ Khin Maung Sein, 2011. *Public International Law: A Practical Approach*. Edisi ke-3. Malaysia: Sweet and Maxwell Asia, hlm. 302–03.

merupakan satu ukuran pencapaian yang umum untuk semua manusia dari semua negara². Walau bagaimanapun, peruntukan dalam UDHR mampu menjadi bahan keterangan undang-undang adat antarabangsa apabila diamalkan secara meluas dan konsisten oleh negara yang yakin amalan tersebut dituntut oleh undang-undang (*opinio juris*).

Corak pengundian UDHR menunjukkan konflik antara negara demokratik Barat dengan negara komunis dan sosialis pada ketika itu. Negara demokratik Barat mengutamakan hak sivil dan politik seperti hak untuk hidup, kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun, kebebasan daripada penyeksaan, kebebasan daripada tangkapan dan penahanan sewenang-wenangnya, dan hak perbicaraan adil, manakala negara komunis dan sosialis mengutamakan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan seperti hak pekerjaan, hak pendidikan, dan hak penjagaan kesihatan.

Konflik ini berterusan sehingga idea untuk menghasilkan satu perjanjian hak asasi manusia yang pertama tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, konflik tersebut berjaya menghasilkan dua perjanjian, iaitu Waad Antarabangsa Hak Sivil dan Politik 1966 (*International Covenant on Civil and Political Rights* (ICCPR)) dan Waad Antarabangsa Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan 1966 (*International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights* (ICESCR)). Di samping dua kategori hak asasi manusia ini, terdapat kategori ketiga, iaitu hak bangsa yang muncul pada tahun 1970-an yang merangkumi hak penentuan kendiri bangsa dan hak pembangunan. Selepas dua waad umum ini, beberapa perjanjian hak asasi manusia yang bersifat khusus menyusul seperti Konvensyen Menghapuskan Semua Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita 1979 (*Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW)), Konvensyen Menentang Penyeksaan

2 t.n. *Department of States Bulletin*, hlm. 751, 19 Disember 1948; Agarwal, H. O., 1999. *International Law & Human Rights*. Edisi ke-5. Allahabad: Central Law Publications, hlm. 656–57; Abdul Ghafur Hamid, 2011. *Public International Law: A Practical Approach*. Edisi ke-3. Selangor: Thompson Reuters, Sweet and Maxwell Asia, hlm. 304.

dan Layanan atau Hukuman Kejam, Tak Berperikemanusiaan atau Menghinakan Lain 1984 (*Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman and Degrading Treatment or Punishment* (CAT)), dan Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989 (*Convention on Rights of Child* (CRC)).

Penyokong universalisme, iaitu pihak Barat mendakwa bahawa hak asasi manusia hendaklah sama walau berada di mana-mana jua, yakni bersifat sejagat, manakala pembela relativisme budaya mendakwa bahawa hak asasi manusia bergantung pada konteks budaya, ideologi politik, agama dan struktur institusi. Pembela relativisme budaya juga menganggap instrumen UDHR, ICCPR dan ICESCR sebagai petunjuk imperialisme budaya Barat kerana konsep hak asasi manusia antarabangsanya bersifat sekular kerana dibina oleh akal, nafsu dan pengalaman manusia yang bersifat terlalu individualistik, tidak berasaskan tanggungjawab dan hanya melihat manusia sebagai makhluk yang sungguh istimewa.

KONSEP HAK ASASI MANUSIA MENURUT AGAMA ISLAM

Konsep hak asasi manusia menurut agama Islam adalah berdasarkan sifat manusia dan tujuan penciptaannya yang dipandu oleh al-Quran, iaitu wahyu daripada Allah SWT. Al-Quran menjelaskan bahawa Allah menciptakan manusia untuk menyembah-Nya, iaitu beribadah kepada-Nya. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Dhariyat* 51:56 yang bermaksud, “Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku”. Dalam Islam, terdapat ibadah yang khusus seperti solat, puasa dan haji, dan terdapat ibadah yang umum seperti bekerja dan belajar kerana Allah SWT. Peraturan yang ditetapkan dalam Islam hendaklah diikuti, arahan-Nya dipatuhi, dan larangan-Nya dijauhi. Beribadah kepada Allah semata-mata merupakan tanggungjawab setiap manusia, manakala menjadi satu-satunya yang disembah dan dipatuhi merupakan hak Allah SWT. Manusia tiada hak untuk melakukan maksiat dan dosa. Sebagai penerima roh daripada Tuhan seperti firman Allah SWT dalam *Surah al-Kahfi*, ayat 28 yang bermaksud:

“Dan setelah Aku sempurnakan bentuknya (Adam) dan Aku tiupkan roh-Ku kepadanya, maka hendaklah kamu (para malaikat) tunduk merendahkan diri kepadanya (memberi hormat)”.

Manusia dijadikan mulia dan diletakkan pada kedudukan yang tinggi seperti firman Allah SWT dalam *Surah al-Isra'*, ayat 70 yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam. Kami angkat mereka di daratan dan di laut, Kami beri mereka rezeki yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka daripada kebanyakan makhluk yang Kami ciptakan”.

Oleh itu, tanggungjawab beribadah hanyalah kepada Allah semata-mata dan kedudukan mulia yang diberikan kepada manusia juga bermaksud hak asasi agar maruah mereka terpelihara daripada eksplorasi, penindasan dan ketidakadilan³. Namun, manusia akan menjadi sangat hina sekiranya mereka engkar pada perintah Allah dan melanggar larangan-Nya seperti yang terkandung dalam *Surah al-Tin*, ayat 4–6 yang bermaksud:

“Sesungguhnya telah Kami ciptakan manusia dalam bentuk yang paling baik. Kemudian Kami kembalikan dia ke tempat yang paling rendah (kerana tindak tanduknya yang salah). Kecuali orang-orang yang beriman dan mengamalkan amalan soleh, maka bagi mereka pahala yang tidak putus”.

Oleh itu, hak asasi manusia mestilah sesuatu yang benar dan tepat berpandukan agama. Hakikatnya, akal manusia amat terbatas sedangkan Allah SWT Maha Pencipta lagi Maha Mengetahui. Nafsu manusia pula, jika tidak dikawal oleh agama akan cenderung kepada kejahanatan, manakala jika hanya berdasarkan pengalaman sahaja boleh menghasilkan pandangan yang tidak tepat atau melampau.

3 Shamrahayu A. Aziz, 2012. “Islamic Concept of Human Rights” dlm. Abdul Ghafur Hamid @ Khin Maung Sein (ed.). *Human Rights Law: International, Malaysian and Islamic Perspectives*. Selangor: Sweet and Maxwell Asia, hlm. 321–31.

Oleh sebab itu, dalam Islam, hak asasi manusia hendaklah dibina berasaskan tanggungjawab manusia sebagai hamba-Nya yang berpegang pada hukum syarak.

Hukum syarak pula diturunkan oleh Allah SWT untuk melindungi unsur kerohanian dan fizikal manusia. Undang-undang Islam mempunyai matlamat melindungi lima kepentingan manusia, iaitu keimanan; kehidupan; akal, maruah dan keturunan; harta dan menegakkan keadilan. Kedua-dua matlamat syariah ini (*maqasid syariah*) mempunyai kaitan dengan perlindungan hak asasi manusia. Beberapa hak asasi manusia hendaklah berdasarkan kepentingan manusia. Contohnya hak mendapatkan perkara penting dalam kehidupan, iaitu hak untuk hidup dan kebebasan daripada penyeeksaan, hak mempunyai kehidupan yang sempurna, hak terhadap makanan, dan hak terhadap alam sekeliling yang bersih. Oleh itu, al-Quran sebagai panduan melarang pembunuhan dan melakukan kecederaan kepada diri sendiri atau orang lain, dan menetapkan hukuman *qisas* bagi dosa tersebut. Al-Quran menjanjikan kelestarian hidup sekiranya manusia melaksanakan perintahnya seperti yang ditegaskan dalam al-Quran, *Surah al-Baqarah*, ayat 178–79 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Hukum *qisas* diwajibkan ke atas kamu dalam kes pembunuhan. Orang merdeka (balasannya) dengan orang merdeka, hamba dengan hamba, dan wanita dengan wanita. Siapa (yang bersalah) yang dimaafkan oleh saudara (kepada yang dibunuh), maka hendaklah dia melakukan yang makruf dan membayar (diat) kepada yang memberi maaf itu dengan cara yang wajar. Demikian itu adalah keringanan dan rahmat daripada Tuhanmu. Siapa yang berlaku aniaya sesudah itu, maka baginya azab yang berat. Dan bagi kamu dengan (melaksanakan hukum) *qisas* itu (kelestarian) hidup, wahai orang-orang yang berakal. Mudah-mudahan kamu bertaqwah”.

Matlamat syariah juga bertujuan menegakkan keadilan dan menjadi asas kepada beberapa hak asasi manusia seperti hak kepada kebebasan dan keselamatan diri, kebebasan daripada tangkapan dan penahanan sewenang-wenangnya, hak perbicaraan adil dan hak kesamarataan di bawah undang-undang. Perkara ini ditegaskan oleh

Allah SWT dalam *Surah al-Nisa'*, ayat 58–59 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu agar melaksanakan amanah terhadap yang empunya, dan apabila kamu menghukum antara manusia agar kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pelajaran yang amat baik kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat. Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul dan pemimpin dalam kalangan kamu. Sekiranya kamu berbeza pendapat tentang sesuatu perkara, maka kembalilah kepada Allah dan Rasul sekiranya kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Demikian itulah penyelesaian yang lebih baik dan lebih tepat”.

ANALISIS HAK ASASI MANUSIA: SUATU PERBANDINGAN

Analisis terhadap empat aspek hak asasi manusia bagi kategori hak sivil dan politik, iaitu kebebasan diri, kebebasan beragama, kesamarataan gender dan kebebasan bersuara akan dilihat berdasarkan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan hukum syarak.

Kebebasan Diri

Kebebasan diri merupakan salah satu aspek yang diiktiraf oleh instrumen hak asasi manusia antarabangsa dan hukum syarak. Secara umumnya, prinsip hak asasi manusia dalam kedua-dua undang-undang ini kelihatan sama. Perkara 3 UDHR memperuntukkan bahawa setiap manusia mempunyai hak terhadap kebebasan diri. Perkara 9 ICCPR juga turut memperuntukkan hak yang sama dengan memberikan perlindungan daripada tangkapan atau penahanan yang sewenang-wenangnya. Seseorang yang ditangkap mempunyai hak untuk diberitahu dengan segera pada waktu tangkapan, sebab tangkapan dan pertuduhan terhadapnya; hak untuk dibawa dengan segera ke hadapan hakim; hak terhadap *habeas corpus*; dan hak terhadap pampasan sekiranya menjadi mangsa kepada tangkapan atau penahanan salah.

Pada zaman Nabi Muhammad SAW, sebagai ketua negara Madinah, beberapa orang telah ditahan. Semasa Nabi Muhammad SAW sedang menyampaikan khutbah di masjid, seorang lelaki bangun dan bertanya, “Wahai Rasulullah! Atas kesalahan apakah jiran-jiranku ditangkap?”. Nabi Muhammad SAW mendengar tetapi tidak menyahut pertanyaan tersebut kerana menjangkakan pegawai yang melakukan tangkapan yang turut berada di dalam masjid akan memberikan penerangan. Lelaki itu mengulangi pertanyaannya sebanyak tiga kali. Disebabkan tiada penerangan daripada pegawai berkenaan, Nabi mengarahkan orang yang ditangkap itu dibebaskan⁴. Keadaan ini menunjukkan bahawa seseorang yang ditangkap secara sewenang-wenangnya hendaklah dibebaskan dengan segera. Setiap orang yang dituduh adalah tidak bersalah sehingga dapat dibuktikan kesalahannya. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam *Surah al-Hujurat*, ayat 49 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepadamu orang fasik membawa berita hendaklah kamu periksa dengan teliti agar kamu tidak menimpa musibah ke atas satu kaum tanpa disedari, maka kamu akan menyesali tindakanmu itu”.

Hanya dengan bukti seseorang boleh didakwa seperti dalam *Surah al-Isra'*, ayat 17 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu ikuti hal yang kamu tidak ketahui (persoalannya). Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semua itu akan diminta pertanggungjawaban”.

Contohnya, Hilal ibn Umayah datang kepada Nabi dan menuduh isterinya berzina dengan Sharik ibn Sahma'. Nabi berkata kepadanya, “Sama ada kamu bawakan bukti (iaitu empat orang saksi) atau hukuman hudud (80 sebatan atas kesalahan *qazf*) dikenakan atas

⁴ Abul A'la Mawdudi, 1980. *Human Rights in Islam*. Edisi ke-2. United Kingdom: The Islamic Foundation, hlm. 26; Shaikh Shaukat Hussain, 2001. *Human Rights in Islam*. Edisi ke-3. New Delhi: Kitab Bhavan, hlm. 47–48.

belakangmu”, dan hanya setelah disabitkan bersalah seseorang boleh dihukum seperti yang ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam *Surah al-Naml*, ayat 20-21 yang bermaksud:

“Dan Sulaiman memeriksa barisan burung, maka ia berkata, Mengapakah aku tidak melihat hudhud? Apakah ia tidak hadir? Aku akan mengazabnya dengan azab yang berat atau aku akan menyembelihnya atau ia datang kepadaku dengan alasan yang terang”.

Undang-undang Islam juga menegaskan bahawa orang yang tidak bersalah tidak boleh dijadikan kambing hitam kerana pendapat tersebut boleh mengaibkan dan menganiaya pihak yang tidak bersalah. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya dalam *Surah al-Nisa*, ayat 112 yang bermaksud:

“Siapa yang berbuat kesalahan (kecil) atau dosa (besar), kemudian dia lemparkan kesalahan itu kepada orang yang tidak bersalah, maka sesungguhnya dia telah melakukan pembohongan dan dosa yang nyata”.

Sementara itu, perbuatan yang dihukum itu hendaklah merupakan suatu jenayah pada waktu jenayah itu dilakukan kerana perbuatan membelakangkan penguatkuasaan undang-undang jenayah adalah salah seperti firman Allah SWT dalam *Surah al-Qasas* 59 ayat yang bermaksud:

“Dan Tuhanmu tidak membinaaskan kota-kota sebelum Dia mengutus ke pusat kota itu seorang rasul yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Kami. Dan Kami tidak membinaaskan kota-kota itu melainkan kerana penduduknya zalim”.

Kebebasan Beragama

Terdapat perbezaan yang jelas antara instrumen hak asasi manusia antarabangsa dengan hukum syarak berkaitan dengan hak kebebasan beragama. Perkara 18 UDHR memperuntukkan bahawa setiap manusia mempunyai hak kebebasan berfikir, meluahkan perasaan dan beragama. Hak ini termasuklah kebebasan untuk menukar agama atau kepercayaan, dan kebebasan untuk memperlihatkan

agama atau kepercayaannya dalam ajaran, amalan, penyembahan dan pematuhan. Peruntukan ini tidak terhad kepada kebebasan beragama, malah merangkumi hak untuk mempercayai bahawa tuhan tidak wujud. Peruntukan ini juga boleh dijadikan sandaran oleh seseorang untuk mengamalkan agama berdasarkan kefahaman, sendiri, walaupun fahaman atau amalan tersebut dianggap sesat ajaran sebenar agama.

Perkara 18 ICCPR turut memperuntukkan bahawa setiap manusia mempunyai hak kebebasan berfikir, meluahkan perasaan dan beragama. Hak ini termasuklah kebebasan untuk mempunyai atau mengambil satu agama atau kepercayaan yang menjadi pilihan. Jawatankuasa Hak Asasi Manusia (*Human Rights Committee* (HRC)) berpendapat bahawa kebebasan untuk “mempunyai atau mengambil” satu agama atau kepercayaan pastinya melibatkan kebebasan untuk memilih satu agama atau kepercayaan, termasuklah hak untuk seseorang menggantikan agama atau kepercayaan semasa dengan agama lain atau mengambil pandangan ateis, dan juga hak untuk seseorang mengekalkan agama atau kepercayaannya⁵.

Pandangan HRC tersebut tidak sepenuhnya dipersetujui. Jawatankuasa tersebut itu sepatutnya mengambil kira sejarah pendraflan UDHR dan ICCPR. Frasa “kebebasan untuk menukar” dalam perkara 18 UDHR tidak diulangi dalam perkara 18 ICCPR untuk mengelakkan bantahan negara Islam. Semasa pendraflan UDHR, Arab Saudi membantah perkara 18 kerana menyalahi agama Islam⁶. Perbezaan ini menunjukkan bahawa perkara 18 ICCPR

-
- 5 “Freedom of Thought, Conscience or Religion”, Article 18 dlm. *UN Human Rights Committee (HRC), CCPR General Comment*. No. 22: 30 Julai 1993. CCPR/C/21/Rev.1/Add.4, perenggan 5. <http://www.refworld.org/docid/453883fb22.html> (Capaian pada 12 Mei 2016).
 - 6 Donna E. Arzt, 1996. “The Treatment of Religious Dissidents under Classical and Contemporary Islamic Law” dlm. John Witte, Jr. dan Johan D. van der Vyver (ed.). *Religious Human Rights in Global Perspective: Religious Perspective*. The Hague: Martinus Nijhoff Publishers, hlm. 387–453; Abdul Aziz Bari, 2005. “Isu Murtad dan Kebebasan Beragama dalam Kerangka Perlembagaan Persekutuan” dlm. Farid Sufian Shuaib (ed.). *Murtad: Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Pub-

mempunyai maksud yang berbeza daripada perkara 18 UDHR, yakni frasa “kebebasan untuk mempunyai atau mengambil” yang tidak merangkumi kebebasan untuk menukar agama, sekiranya perbuatan meninggalkan agama asalnya itu dianggap sebagai suatu perbuatan jenayah. Perbezaan pemilihan perkataan dan maksud antara perkara 18 ICCPR dengan perkara 18 UDHR menunjukkan bahawa amalan negara yang tidak konsisten. Dengan kata lain, tiada undang-undang adat antarabangsa yang dibentuk tentang perkara ini.

Perkara 18 ICCPR juga memperuntukkan kebebasan untuk memperlihatkan agama atau kepercayaan seseorang dalam penyembahan, pematuhan, amalan dan ajaran. Kebebasan ini boleh dibatasi oleh undang-undang sekiranya perlu untuk melindungi keselamatan awam dan ketenteraman, kesihatan dan prinsip moral atau hak asasi atau kebebasan orang lain. Berdasarkan hukum syarak, orang bukan Islam berhak untuk mempunyai agama menurut perkara 25 Perlumbagaan Madinah. Mereka mempunyai kebebasan untuk kekal dengan agama asal atau untuk memeluk agama lain. Keadaan ini pernah ditegah oleh Nabi Muhammad SAW menerusi surat Nabi kepada Banu al-Harith ibn Ka‘ab yang menetap di Najran yang menjamin bahawa *“Dan sesiapa yang mahu kekal dengan agama Kristian atau Yahudi, sesungguhnya dia tidak ditahan daripada agama tersebut”*. Oleh sebab itu, perbuatan memaksa mereka memasuki agama Islam adalah haram. Hal ini ditegaskan dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 256 yang bermaksud:

“Tidak ada paksaan untuk memasuki agama (Islam). Sesungguhnya sudah nyata (manu) petunjuk dan (manu) kesesatan. Maka siapa yang mengingkari *taghut* (selain Allah) dan ia beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang pada bukul tali yang kuat sekali yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

Orang bukan Islam mempunyai hak untuk mengamalkan agama mereka dengan syarat amalan agama mereka tidak dilakukan di

lication, hlm. 43–58.

tempat awam⁷, bagi mengelakkan amalan yang dianggap syirik terdedah kepada orang Islam. Contohnya, sekatan tersebut bertujuan melindungi keislaman dan keimanan orang Islam yang merupakan salah satu matlamat syariah (*maqasid syariah*). Orang bukan Islam dibenarkan untuk menyebarkan ajaran agama mereka kepada orang bukan Islam yang lain⁸ tetapi bukan kepada orang Islam. Mereka juga dibenarkan untuk menubuhkan institusi pendidikan agama mereka⁹. Perbuatan menghina sembah orang bukan Islam juga ditegaskan dalam *Surah al-An'am*, ayat 108 yang bermaksud “Janganlah kamu caci-maki berhala yang mereka sembah selain Allah”, dan merosakkan rumah ibadat mereka adalah haram, malah mereka diizinkan berperang mempertahankan rumah ibadat mereka daripada dirobohkan tanpa kewajaran seperti yang ditegaskan dalam *Surah al-Hajj*, ayat 39–40 yang bermaksud:

“Diizinkan (berperang) bagi orang-orang (Islam) yang diperangi, kerana mereka telah dizalimi. Dan sesungguhnya Allah Maha Berkuasa menolong mereka. (Iaitu) orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali kerana mereka mengucapkan, ‘Tuhan kami ialah Allah’. Dan kalau Allah tidak mengawal segolongan manusia dengan golongan yang lain, tentu akan runtuhalah biara-biara, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid yang di dalamnya disebut nama Allah dengan banyak. Dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong (agama)Nya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa lagi Maha Perkasa”.

-
- 7 Dalam Perjanjian ‘Anat, Komander Khalid al-Walid (r.a.) membenarkan orang Kristian untuk membunyikan loceng di gereja, kecuali pada waktu solat dan untuk memakai simbol agama sewaktu perayaan agama mereka. Al-Qaradawi, Yusuf, 1999. *Golongan Bukan Muslim dalam Masyarakat Islam*. Diterjemahkan oleh Arsil Ibrahim. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, hlm. 17.
- 8 Sayyid Abul A'la Maududi, 1980. *The Islamic Law and Constitution*. Diterjemahkan oleh Khurshid Ahmad (ed.). Edisi ke-7. Lahore: Islamic Publications, hlm. 297.
- 9 Ahmad F. Yousif, 1998. *Religious Freedom, Minorities and Islam: An Inquiry into the Malaysian Experience*. Selangor: Thinker's Library, hlm 38–39.

Orang Islam berhak untuk mempunyai agama, mengamalkan agama, menyebarkan ajaran agama kepada orang bukan Islam, menubuhkan institusi pendidikan agama, dan pelbagai lagi. Namun, perbuatan murtad merupakan suatu jenayah yang berat kerana orang murtad meninggalkan cahaya hidayah untuk berada dalam kesesatan dan kegelapan sedangkan manusia tidak mempunyai hak untuk melakukan dosa. Nabi Muhammad SAW telah berpesan beberapa kali bahawa orang murtad yang enggan bertaubat dan tidak kembali memeluk agama Islam hendaklah dihukum bunuh. Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“Sesiapa yang menukar agamanya (daripada Islam), maka bunuhlah dia”¹⁰ dan “Sesiapa yang menukar agamanya, maka pengallah lehernya.”¹¹ “Tidak halal darah seseorang Muslim yang bersaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa aku ini utusan Allah, kecuali dengan salah satu daripada tiga perkara, iaitu nyawa dibalas dengan nyawa, orang yang telah berkahwin yang berzina, dan orang yang meninggalkan agamanya lalu memisahkan dirinya daripada jemaah”.¹²

-
- 10 Al-Bukhari, Abu ‘Abdullah Muhammad ibn Isma‘il, 1419H/1999. *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam li-al-Nashr wa-al-Tawzi‘, hlm 1193; al-Azadi, Abu Dawud Sulayman ibn al-Ash‘at al-Sajastani, 1419H/1998. *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar Ibn Hazm, hlm 657; al-Shawkani, Muhammad ibn ‘Ali ibn Muhammad, t. th. *Nayl al-Awtar*. Jilid 7. Beirut: Mu’assasat al-Tarikh al-‘Arabi, hlm. 216; al-Qaradawi, Yusuf, 2001. *Jarimah al-Riddah wa ‘Uqubat al-Murtad fi Daw’ al-Qur’an wa-al-Sunnah*. Beirut: Mu’assasat al-Risalah, hlm. 32; Muhammad Abu Zahrah, t. th. *Al-‘Uqubah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi, hlm. 172; Said Ibrahim, 1998. *Jinayah Murtad dari Sudut Hukum Syara’ dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Darul Ma’rifah, hlm. 7.
 - 11 Malik ibn Anas, 1418H/1997. *Al-Muwatta’*. Beirut: Dar Ahya’ al-Turath al-‘Arabi, hlm. 454.
 - 12 Al-Bukhari, Abu ‘Abdullah Muhammad ibn Isma‘il, 1419H/1999. *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam li-al-Nashr wa-al-Tawzi‘, hlm 1185; al-Qaradawi, Yusuf, 2001. *Jarimah al-Riddah wa ‘Uqubat al-Murtad fi Daw’ al-Qur’an wa-al-Sunnah*. Beirut: Mu’assasat al-Risalah, hlm. 32; al-Azadi, Abu Dawud Sulayman ibn al-Ash‘at al-Sajastani, 1419H/1998. *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar ibn Hazm, hlm. 657.

Menurut al-Shaukani pula:

Sekiranya seorang lelaki keluar daripada Islam, maka serulah dia supaya kembali; jika dia kembali, lepaskan dia; jika dia enggan, maka penggallah lehernya. Dan sekiranya seorang wanita keluar daripada Islam, maka serulah dia supaya kembali; jika dia kembali, lepaskan dia; jika dia enggan, maka penggallah lehernya.¹³

Apabila membincangkan isu murtad, terdapat penulis moden yang cuba untuk memberikan tafsiran yang salah terhadap beberapa ayat al-Quran dan hadis bagi menyokong pendapat mereka bahawa perbuatan menjadi murtad bukan suatu jenayah yang dihukum di dunia melainkan jika disertai dengan perbuatan memerangi Islam dan umat Islam. Selain itu, orang bukan Islam tidak boleh dipaksa untuk menerima Islam. Contohnya, sahabat Nabi Muhammad SAW, iaitu Saidina ‘Umar ibn al-Khattab r.a. menyeru seorang wanita tua yang beragama Kristian supaya menerima Islam, “Peluklah Islam nescaya kamu akan sejahtera; sesungguhnya Allah telah mengutuskan Muhammad dengan kebenaran tetapi seruannya ditolak”. Lantas Saidina Umar berdoa, “Ya Allah, aku menyeru-Mu menjadi saksi (bahawa aku telah menyerunya kepada agama-Mu)”, dan seterusnya membaca ayat, “Tidak ada paksaan untuk memasuki agama (Islam)”¹⁴ untuk mengingatkan dirinya bahawa dia tidak boleh memaksa wanita itu memeluk agama Islam. Umar juga pernah menyeru seorang hambanya yang beragama Kristian supaya menganut Islam tetapi seruannya ditolak. Lalu Umar membaca ayat, “Tidak ada paksaan untuk memasuki agama (Islam)” dan berkata kepada hambanya itu, “Sekiranya kamu memeluk Islam,

-
- 13 Al-Shawkani, Muhammad ibn ‘Ali ibn Muhammad, t. th. *Nayl al-Awtar*. Jilid 7. Beirut: Mu’assasat al-Tarikh al-‘Arabi, hlm. 218-19; Said Ibrahim, 1998. *Jinayah Murtad dari Sudut Hukum Syara’ dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Darul Ma’rifah, hlm. 9; Hashim Mehat, 1991. *Malaysian Law and Islamic Law on Sentencing*. Kuala Lumpur: International Law Book Services, hlm. 207.
- 14 Al-Qurtubi, Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari, t. th. *Al-Jami’ li-Ahkam al-Qur’an*. Jilid 3. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hlm. 182.

aku akan memohon pertolongan buatmu dalam perkara orang Islam”¹⁵. Benarlah tindakan Saidina ‘Umar ini kerana ayat 256, *Surah al-Baqarah* ini diturunkan pada zaman Nabi Muhammad SAW semasa beberapa orang Islam daripada golongan Ansar cuba memaksa anak mereka yang beragama Yahudi untuk memeluk agama Islam¹⁶. Namun, Umar tidak mentafsirkan ayat tersebut yang membawa maksud orang Islam mempunyai hak untuk menjadi murtad. Sebagai khalifah, beliau tidak mencela tindakan tentera Islam membunuh enam orang murtad daripada bani Bakr ibn al-Wa’il dalam pertempuran di Tustar. Khalifah Umar cuma menyesali kegagalan tentera Islam untuk menawan hidup-hidup orang murtad tersebut kerana tidak dapat menyeru mereka untuk bertaubat dan kembali memeluk Islam¹⁷. Begitu juga dalam kejadian lain, Khalifah ‘Umar menegur Abu Musa al-Ash’ari (r.a.) kerana menghukum bunuh seorang murtad tanpa terlebih dahulu mengurungnya selama tiga hari, memberi makan kepadanya roti pada setiap hari, dan menyerunya bertaubat¹⁸ dan bukannya kerana orang tersebut mempunyai hak untuk menjadi murtad.

- 15 Abu al-Fida’ Isma’il ibn Kathir, 1420H/2000. *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. Jilid 1. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, hlm. 321.
- 16 Al-Qurtubi, Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari, t. th. *Al-Jami’ li-Ahkam al-Qur’an*. Jilid 3. Beirut: Dar al-Kutubad, t. th. *Nayl al-Awtar*. Jilid 7. Beirut: Mu’assasat al-Tarikh al-‘Arabi, hlm. 217; al-Qaradawi, Yusuf, 2001. *Jarimah al-Riddah wa ‘Uqubat al-Murtad fi Daw’ al-Qur’an* al-‘Ilmiyyah, hlm. 182; Muhammad ibn ‘Ali ibn Muhammad al-Shawkani, 1418H/1998. *Fath al-Qadir al-Jami’ bayn Fannay al-Riwayah wa-al-Dirayah min ‘Ilm al-Tafsir*. Jilid 1. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, hlm. 304; Ibn Kathir, t.th. *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. Jilid 1, hlm. 321.
- 17 Al-Shawkani, Muhammad ibn ‘Ali ibn Muhammwa-al-Sunnah. Beirut: Mu’assasat al-Risalah, hlm. 34; Hashim Mehat, 1991. *Malaysian Law and Islamic Law on Sentencing*. Kuala Lumpur: International Law Book Services, hlm. 207; Ahmad Kamarudin Hamzah, 2004. “Jenayah Riddah: Antara Had dan Takzir” dlm. Zaini Nasohah *et al.* (ed.). *Syariah dan Undang-undang: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, hlm. 110-17.
- 18 Said Ibrahim, 1998. *Jenayah Murtad dari Sudut Hukum Syara’ dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Darul Ma’rifah, hlm. 10-11; Ala’Eddin Kharofa, 1994. *Nationalism, Secularism, Apostasy and Usury in Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, hlm. 49.

Selain itu, ayat 6, *Surah al-Kafirun* yang bermaksud, “Untukmu agamamu dan untukku agamaku” juga telah disalahtafsirkan oleh Shad Saleem Faruqi¹⁹. Surah ini diturunkan oleh Allah SWT bersama-sama dengan *Surah al-Zumar*; ayat 64 yang bermaksud “Katakanlah: Apakah kamu menyuruh aku menyembah selain Allah, hai orang-orang jahil?”. Menurut kitab *Fath al-Qadir* dan kitab *Tafsir al-Munir*, kedua-dua ayat tersebut diturunkan semasa kaum Musyrikin Quraisy merencanakan satu muslihat lalu mencadangkan kepada Nabi SAW agar orang Islam menyembah berhala mereka selama setahun sebagai balasan kepada kaum Musyrikin menyembah Allah SWT pada tahun berikutnya. Nabi SAW menolak cadangan tersebut selepas Allah SWT menurunkan kedua-dua ayat tersebut.

Dalam kedua-dua ayat tersebut, Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW mengisyiharkan kebencian Baginda SAW terhadap perbuatan syirik terhadap Allah SWT²⁰ dan menempelak kaum Musyrikin Quraisy dengan memanggil mereka “orang kafir” dan “orang jahil”. Perbuatan mentafsirkan ayat 6, *Surah al-Kafirun* yang bermaksud “untukmu agamamu dan untukku agamaku” boleh ditafsirkan sebagai mengharuskan perbuatan menjadi murtad sedangkan orang murtad melakukan syirik terhadap Allah SWT. Perbuatan mentafsirkan sesuatu ayat al-Quran tanpa memahami konteks sebenar atau tanpa merujuk keseluruhan ayat (atau surah) adalah salah dan tidak dibenarkan oleh syarak.

Syeikh Abdul Rahman, Mohammad Hashim Kamali dan Shad pula mempersoalkan sekiranya orang murtad dihukum bunuh, bagaimanakah ayat al-Quran dalam *Surah al-Nisa'*, ayat 137 boleh menceritakan hal orang yang menjadi murtad berulang-ulang kali?²¹ Ayat tersebut menceritakan hal sesuatu kaum yang beriman

-
- 19 Shad Saleem Faruqi. “Separating Fact from Fiction” dlm. *The Star*, 2 Mei 2007, hlm. N41.
- 20 ABM, 2002. “Mahbubul Islam” dlm. *Freedom of Religion in Shari‘ah: A Comparative Analysis*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, hlm. 127-29.
- 21 S. A. Rahman, 1996. *Punishment of Apostasy in Islam*. New Delhi: Kitab Bhavan, hlm. 38; Mohammad Hashim Kamali, 1998. *Freedom of Expression in Islam*. Edisi Semakan. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, hlm. 97-98; Shad Saleem Faruqi. “Separating Fact from Fiction” dlm. *The Star*, 2 Mei 2007,

kemudian kafir, kemudian beriman, kemudian kafir, kemudian bertambah kekefaifirannya mereka. Menurut pandangan mereka:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman, kemudian kafir, sesudah itu beriman kembali, lantas kafir (sekali lagi), kemudian bertambah kekefaifirannya, maka tidaklah ada harapan Allah mengampuni mereka dan tidak pula menunjuki mereka ke jalan yang lurus.

Kitab *Tafsir al-Qurtubi* berpendapat bahawa kaum yang disebut dalam ayat 137, *Surah al-Nisa'* ialah kaum Yahudi yang beriman dengan Nabi Musa a.s., kemudian kafir semasa zaman Nabi Uzayr a.s., kemudian beriman pula dengan Nabi Uzayr a.s., kemudian kafir semasa zaman Nabi 'Isa a.s., kemudian bertambah kafir pada zaman Nabi Muhammad SAW²². Sesungguhnya, hanya Allah Yang Maha Mengetahui. Oleh sebab ayat ini bukan ayat hukum, maka ayat ini tidak menetapkan sebarang hukum tentang orang murtad. Sebarang andaian dan hukum tidak boleh dibuat berdasarkan ayat ini kerana bertentangan dengan hadis sahih, iaitu "Sesiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah dia".

Al-Awa juga turut mempersoalkan bagaimanakah dikatakan Nabi Muhammad SAW menetapkan hukuman bunuh terhadap orang murtad, sedangkan Nabi Muhammad SAW tidak menghukum bunuh orang Yahudi yang merencanakan satu muslihat, iaitu berpura-pura menerima Islam pada waktu pagi dan kemudian menunjukkan ketidakpercayaan pada waktu petang dengan tujuan melemahkan kepercayaan orang yang baru memeluk agama Islam²³. Perencanaan ini didedahkan dalam ayat al-Quran, *Surah Ali Imran*, ayat 71–73 yang bermaksud:

hlm. N41.

- 22 Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari, t. th. *al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an*. Jilid 5. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 266; al-Shawkani, Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad, 1418H/1998. *Fath al-Qadir al-Jami' bayn Fannay al-Riwayah wa-al-Dirayah min 'Ilm al-Tafsir*. Jilid 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, hlm. 572.
- 23 Al-Awa Mohamed Salim, 1982. *Punishment in Islamic Law: A Comparative Study*. Indianapolis: American Trust Publications, hlm. 54-55.

“Hai ahli kitab, kenapa kamu mencampuradukkan yang hak dengan yang batil? Dan kamu menyembunyikan yang hak, padahal kamu mengetahui. Segolongan ahli kitab berkata, “(Pura-pura) berimanlah kepada (Quran) yang diturunkan kepada orang-orang yang beriman pada waktu pagi dan kemudian kafirlah pada waktu petang, agar mereka (orang-orang beriman ragu dan) kembali (kepada kekafiran). Janganlah kamu percaya, kecuali kepada orang yang mengikuti agamamu”.

Walau bagaimanapun, tiada kitab tafsir yang menyebut bahawa orang Yahudi mengucap dua kalimah syahadah pada waktu pagi. Ibnu Kathir menyatakan bahawa orang Yahudi itu berpura-pura beriman dengan cara melakukan solat subuh bersama-sama orang Islam di masjid²⁴. Oleh sebab mereka tidak memeluk agama Islam, maka mereka sentiasa dalam keadaan kafir walaupun mereka melakukan solat subuh. Maka, apabila mereka menunjukkan kekafiran pada waktu petang, perbuatan tersebut tidak boleh dianggap sebagai murtad. Oleh sebab itu, itu mereka tidak dihukum bunuh.

Terdapat satu hadis sahih yang dijadikan hujah bahawa Nabi Muhammad SAW tidak menghukum bunuh orang murtad. Seorang Arab Badwi datang menemui Nabi Muhammad SAW dan memberikan baiah kepada Baginda SAW untuk memeluk Islam. Pada keesokan harinya, dia datang semula dalam keadaan demam dan berkata, “Tolong batalkan baiahku (untuk berhijrah ke Madinah)” tetapi Nabi Muhammad SAW menolak permintaannya. Keadaan ini berlaku sebanyak tiga kali. Maka, Nabi bersabda, “Madinah seperti pompa api yang membuang kekotorannya dan menjadikan yang baik padanya lebih tulen”.²⁵

24 Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma’il, 1420H/2000. *Tafsir al-Qur’an al-'Azim*. Jilid 1. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, hlm. 381.

25 Al-Bukhari, Abu ‘Abdullah Muhammad ibn Isma’il, 1419H/1999. *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam li-al-Nashr wa-al-Tawzi’, hlm. 303; al-‘Asqalani, Ahmad ibn ‘Ali ibn Hajar, t.th. *Fath al-Bari*. Jilid 4. al-Mansurah: Maktabah al-Iman, hlm. 120; Muhammad Muhsin Khan, 1997. *The Translation of the Meanings of Sahih al-Bukhari: Arabic-English*. Jilid 3. Riyadh: Darussalam, hlm. 74.

Orang Badwi itu meninggalkan Madinah tanpa dihukum bunuh oleh Nabi²⁶.

Rahman, al-Awa dan Kamali menyatakan bahawa orang Badwi itu telah menjadi murtad setelah dia memohon untuk membatalkan baiahnya kepada Islam²⁷. Walau bagaimanapun, menurut ulama hadis Ibn Hajar al-‘Asqalani, orang Badwi itu memohon untuk membatalkan baiahnya untuk berhijrah ke Madinah sedangkan berhijrah ke Madinah dan tinggal bersama-sama dengan Nabi Muhammad SAW di Madinah menjadi kewajipan umat Islam pada masa itu, iaitu sebelum pembukaan kota Makkah²⁸. Walaupun orang Badwi itu tidak menjalankan tanggungjawab agama yang menyebabkannya menjadi fasik tetapi dia tidak menjadi murtad kerana masih belum memeluk Islam. Oleh sebab itu, dia tidak dihukum bunuh.

Sementara itu, Rahman pula berpendapat bahawa menjadi murtad bukanlah satu jenayah melainkan sekiranya orang murtad tersebut memerangi Islam dan umat Islam²⁹. Beliau telah mencampuradukkan antara hukum *riddah* (menjadi murtad) dengan hukum *hirabah* (merompak). Kesalahan *hirabah* dan hukumannya telah ditetapkan dalam al-Quran, *Surah al-Maidah*, ayat 33–34 yang bermaksud:

-
- 26 S. A. Rahman, 1996. *Punishment of Apostasy in Islam*. New Delhi: Kitab Bhavan, hlm. 38; al-Awa, Mohamed Salim, 1982. *Punishment in Islamic Law: A Comparative Study*. Indianapolis: American Trust Publications, hlm. 54; Mohammad Hashim Kamali, 1998. *Freedom of Expression in Islam*. Edisi Semakan. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, hlm. 97.
- 27 Mohammad Hashim Kamali, 1998. *Freedom of Expression in Islam*. Edisi Semakan. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, hlm. 97; al-Awa, Mohamed Salim, 1982. *Punishment in Islamic Law: A Comparative Study*. Indianapolis: American Trust Publications, hlm. 54; S. A. Rahman, 1996. *Punishment of Apostasy in Islam*. New Delhi: Kitab Bhavan, hlm. 80.
- 28 Al-‘Asqalani, Ahmad ibn ‘Ali ibn Hajar, t.th. *Fath al-Bari*. Jilid 4. al-Mansurah: Maktabah al-Iman, hlm. 120; Kharofa. t.th. *Nationalism, Secularism, Apostasy and Usury in Islam*, hlm 45-46.
- 29 S. A. Rahman, 1996. *Punishment of Apostasy in Islam*. New Delhi: Kitab Bhavan, hlm. 38.

“Sesungguhnya balasan bagi orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya dan berbuat kerosakan di muka bumi ialah dibunuh atau disalib atau dipotong tangan dan kakinya secara timbal balik atau dibuang negeri. Hukuman yang demikian adalah suatu penghinaan di dunia, dan di akhirat mereka mendapat azab yang amat berat. Kecuali mereka yang bertaubat sebelum kamu dapat menguasai mereka, maka ketahuilah bahwasanya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

Ayat pertama tersebut menetapkan empat bentuk hukuman mengikut tahap keseriusan jenayah *hirabah*, manakala ayat seterusnya pula menetapkan bahawa pesalah yang bertaubat sebelum ditangkap tidak dihukum dengan hukuman *hirabah*. Tambahan pula, Rahman hanya menetapkan hukuman bunuh bagi orang murtad yang memerangi Islam dan umat Islam. Beliau tidak mencadangkan jenis kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman bunuh lalu disalib, hukuman potong tangan dan kaki secara timbal balik, dan hukuman buang negeri atau penjara. Contohnya, sahabat Nabi Muhammad SAW pernah memberikan peluang kepada orang murtad yang ditawan dalam Peperangan Riddah pada zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq untuk bertaubat dengan kembali memeluk Islam. Jika orang murtad ini melakukan kesalahan *hirabah*, maka para sahabat telah menyalahi peraturan yang terdapat dalam ayat 34 kerana membenarkan mereka bertaubat selepas ditangkap. Dalam hal ini, sudah tentu mustahil Khalifah Abu Bakar, Saidina Umar dan sahabat Nabi yang lain menyalahi al-Quran. Selain itu, orang murtad yang enggan bertaubat dibunuh; tidak ada yang disalib, tidak ada yang dipotong tangan dan kaki secara timbal balik, dan tidak ada yang dibuang negeri. Tiada riwayat yang menyatakan bahawa mayat Musaylamah si pembohong disalib, sedangkan kesalahan *hirabah* merupakan suatu jenayah dan mayat si nabi palsu ini memang patut disalib.

Kesamarataan Gender

Berkaitan dengan kesamarataan gender antara lelaki dengan wanita, terdapat perbezaan antara instrumen hak asasi manusia

antarabangsa dengan hukum syarak tentang makna kesamarataan. Perkara 7 UDHR dan perkara 26 ICCPR memperuntukkan bahawa semua manusia sama rata di bawah undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang daripada sebarang diskriminasi. Tambahan pula, perkara 26 ICCPR menyatakan bahawa diskriminasi antara gender hendaklah dilarang oleh undang-undang. Selain itu, *The Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW) ialah perjanjian khusus yang bertujuan menghapuskan diskriminasi terhadap wanita yang terdapat dalam undang-undang, adat dan amalan, politik, pekerjaan, perkahwinan, dan sebagainya. Di bawah CEDAW, wanita mempunyai hak yang sama taraf dengan lelaki.

Negara Islam menyertai CEDAW dengan reservasi. Hal ini dikatakan demikian kerana sememangnya dalam Islam, lelaki dan wanita mempunyai hak yang sama, tetapi konsep kesamarataan gender dalam Islam berbeza daripada konsep yang difahami Barat. Lelaki dan wanita dicipta oleh Allah SWT supaya kenal-mengenal seperti dalam firman Allah dalam *Surah al-Hujurat*, ayat 13 yang bermaksud “Hai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang wanita dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu kenal-mengenal ...”. Ayat tersebut bermaksud, lelaki dan wanita hendaklah hidup rukun damai dan sejahtera dan bukannya satu pihak mendominasi pihak yang satu lagi. Sesiapa yang beriman dan beramal soleh, sama ada lelaki maupun wanita akan mendapat ganjarannya seperti firman Allah SWT dalam al-Quran, *Surah al-Nahl*, ayat 97 yang menegaskan bahawa:

“Sesiapa yang beramal soleh, baik lelaki maupun wanita dan dia beriman, maka Kami akan memberikan kepadanya kehidupan yang baik dan Kami memberikan ganjaran yang lebih baik daripada apa-apa yang mereka kerjakan”.

Malahan, dalam hal ehwal keduniaan, lelaki dan wanita mempunyai hak terhadap apa-apa yang mereka usahakan seperti dalam *Surah*

al-Nisa, ayat 32 yang bermaksud, “untuk lelaki diperuntukkan apa -apa yang mereka hasilkan, dan untuk wanita diperuntukkan apa -apa yang mereka usahakan …”.

Namun, Allah SWT meletakkan tanggungjawab dan hak yang berbeza antara lelaki dengan wanita berdasarkan fitrah masing-masing. Contohnya, seorang suami diberikan tanggungjawab sebagai pemimpin keluarga seperti dalam firman Allah SWT, *Surah al-Nisa*, ayat 34 yang bermaksud:

“Lelaki menjadi pemimpin wanita, kerana Allah memberikan kelebihan kepada sebahagian (lelaki) ke atas sebahagian yang lain (wanita) dan kerana lelaki memberikan nafkah daripada hartanya …”.

Oleh sebab itu, lelaki diberikan hak sesuai dengan kedudukannya sebagai pemimpin keluarga. Hal ini disebut dalam khutbah Nabi SAW semasa Haji Perpisahan, iaitu:

“Wahai manusia! Bertakwalah kepada Allah tentang hak isterimu: kamu telah mengahwini mereka atas jaminan Allah dan mereka menjadi halal untukmu hanya kerana undang-undang-Nya. Hak kamu atas mereka ialah mereka tidak boleh membenarkan seseorang yang tidak kamu sukai memasuki rumahmu dan duduk di atas katilmu …”.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab lelaki tetap sama taraf dengan isterinya dan akan disoal oleh Tuhan di akhirat nanti tentang segala tanggungjawabnya³⁰. Begitu juga seorang isteri diberikan tanggungjawab sebagai penolong suami, maka diberikan hak sesuai dengan kedudukannya sebagai penolong suami. Hal ini ditetapkan oleh Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 228 yang bermaksud, “... Dan wanita mempunyai hak yang seimbang dengan tugasnya dengan cara yang wajar ...”. Ayat tersebut bermaksud, seorang isteri itu tetap sama taraf dengan suaminya, dan akan disoal oleh Tuhan di akhirat nanti tentang segala tanggungjawabnya kerana kemuliaan di sisi Tuhan terletak pada takwa yang berada di dalam hati seperti

30 Hadis: Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan disoal tentang tanggungjawabnya ...

yang dinyatakan dalam *Surah al-Hujurat*, ayat 13 yang bermaksud, “... Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah yang paling bertakwa dalam kalangan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”. Oleh itu, hinalah orang yang mendabik dada dan mendakwa dirinya lebih mulia daripada yang lain.

Selain itu, isu gender ketiga merupakan satu lagi perbuatan yang ditegah dalam Islam. Tuhan menjadikan manusia terdiri daripada lelaki dan wanita, serta menentukan jantina seseorang semenjak sebelum dilahirkan lagi dengan perbezaan kromosom, alat kemaluhan dan sistem pembiakan. Namun, sikap manusia yang cuba mengubah jantina yang dikurniakan oleh Allah SWT bertentangan dengan sains biologi. Oleh sebab itu, tindakan manusia melakukan sesuatu yang bertentangan dengan sifat kejadiannya, maka sudah tentu manusia itu akan binasa.

Kebebasan Bersuara

Terdapat perbezaan antara konsep Barat dengan konsep Islam tentang kebebasan bersuara. Perkara 19 UDHR memperuntukkan bahawa setiap manusia mempunyai hak terhadap kebebasan bersuara dan menyatakan pendapat. Hak ini termasuk kebebasan untuk mempunyai pendapat tanpa campur tangan negara, dan kebebasan mencari, menerima dan menyampaikan maklumat dan idea menerusi media yang tanpa sempadan. Tambahan perkara 19 ICCPR juga memperuntukkan hak yang sama bahawa hak bersuara turut mengandungi tugas dan tanggungjawab khusus dan boleh dibatasi oleh undang-undang sekiranya perlu untuk menghormati hak asasi atau nama baik orang lain, atau melindungi keselamatan negara, ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral. Di bawah instrumen ini, seseorang itu mempunyai kebebasan untuk menyuarakan pendapatnya, walaupun perkara itu sesuatu yang dianggap batil atau mungkar oleh agama.

Dalam isu menghina agama, sekiranya dibaca perkara 19(3) bersama-sama dengan perkara 18, dinyatakan bahawa menghormati hak asasi orang lain termasuk menghormati hak seseorang dan tidak

menyinggung kepercayaan agamanya³¹. Namun, perkara ini tidak difahami oleh negara Barat.

Hukum syarak mewajibkan syura, menyuruh berbuat makruf dan melarang kemungkaran seperti firman Allah dalam *Surah Ali-Imran*, ayat 104 yang bermaksud “Dan hendaklah ada antara kamu segolongan yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh berbuat makruf dan melarang kemungkaran. Merekalah orang-orang yang berjaya”. Seseorang yang dizalimi pula hendaklah membela diri dan dibenarkan bersuara melawan kezaliman tersebut. Namun, hukum syarak melarang segala suara kebatilan seperti menolak seruan keimanan seperti mengejek, mencela, menggelar dan mengumpat seperti yang ditegaskan dalam *Surah al-Hujurat*, ayat 11–12 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek kaum yang lain, kerana boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada kaum yang mengejek. Dan janganlah segolongan wanita mengejek segolongan wanita yang lain, kerana boleh jadi golongan yang diejek itu lebih baik daripada golongan yang mengejek. Dan jangan kamu mencela dirimu sendiri. Dan jangan kamu memanggil-manggil dengan gelaran-gelaran yang buruk. Seburuk-buruk gelaran ialah yang mengandungi konotasi kefasikan kepada seseorang yang sudah beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat, maka mereka orang-orang yang zalim. Wahai orang-orang yang beriman! Jauhi kebanyakannya prasangka. Sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan jangan kamu mengintip, dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah salah seorang kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Tentu kamu tidak menyukainya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang”.

Selain itu, syarak juga melarang perbuatan menghina agama dan *qazf* walau sependek-pendek suara. Walaupun suara batil itu dirasakan kecil oleh manusia, setiap perkara batil dianggap serius oleh Allah SWT. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam *Surah al-Nur*; ayat 15 yang bermaksud:

31 Howard Davis, 2007. *Human Rights Law Directions*. Oxford: Oxford University Press, hlm. 344.

“(Ingatlah) ketika kamu menerima berita bohong itu dengan lidahmu dan kamu katakan dari mulutmu apa yang kamu tidak ketahui dan kamu menganggapnya perkara kecil, padahal ia besar di sisi Allah”.

KESIMPULAN

Antara empat kategori hak asasi yang dibincangkan, hanya kategori hak kebebasan diri sahaja yang selaras antara undang-undang antarabangsa dengan hukum syarak. Terdapat perbezaan bagi hak kebebasan beragama, kebebasan bersuara dan kesamarataan gender antara undang-undang antarabangsa dengan hukum syarak. Konsep undang-undang hak asasi manusia antarabangsa yang bersifat sekular tidak mengandungi batasan dan larangan agama, dan memberikan kebebasan kepada manusia untuk berbuat dosa yang memberikan kesan buruk kepada pelaku dan masyarakat. Konsep hak asasi manusia Islam pula menuntut manusia untuk menjaga kedudukan yang mulia dengan sebaik-baiknya dengan cara tidak tunduk kepada nafsu yang mendorong kepada berbuat dosa, sebaliknya hendaklah tunduk kepada perintah dan larangan Tuhan. Menurut ajaran Islam, sebaik-baik pemberi hukum ialah Tuhan Yang Maha Pencipta. Sebaik-baik contoh ialah Nabi Muhammad SAW. Ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran dan sunah Nabi seharusnya menjadi asas kepada perubahan undang-undang berkaitan dengan hak asasi manusia. Agama Islam ini bersifat sejagat dan diturunkan untuk manfaat seluruh alam, dan dengan itu sesuai untuk mengambil alih tempat konsep hak asasi manusia antarabangsa.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari, 2005. “Isu Murtad dan Kebebasan Beragama dalam Kerangka Perlembagaan Persekutuan” dlm. Farid Sufian Shuaib (ed.). *Murtad: Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, hlm. 43–58.
- Abdul Ghafur Hamid @ Khin Maung Sein, 2011. *Public International Law: A Practical Approach*. Edisi ke-3. Selangor: Thompson Reuters, Sweet and Maxwell Asia.
- ABM, 2002. “Mahbubul Islam” dlm. *Freedom of Religion in Shari‘ah: A*

- Comparative Analysis*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, hlm. 127-29.
- Abul A'la Mawdudi, 1980. *Human Rights in Islam*. Edisi ke-2. United Kingdom: The Islamic Foundation, hlm. 26;
- Agarwal, H. O., 1999. *International Law and Human Rights*. Edisi ke-5. Allahabad: Central Law Publications, hlm. 656-57.
- Ahmad F. Yousif, 1998. *Religious Freedom, Minorities and Islam: An Inquiry into the Malaysian Experience*. Selangor: Thinker's Library, hlm. 38-39.
- Ahmad Kamarudin Hamzah, 2004. "Jenayah Riddah: Antara Had dan Takzir" dlm. Zaini Nasohah *et al.*, (ed.). *Syariah dan Undang-undang: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, hlm. 110-17.
- Al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar, t.th. *Fath al-Bari*. Jilid 4. Al-Mansurah: Maktabah al-Iman, hlm. 120.
- Ala'Eddin Kharofa, 1994. *Nationalism, Secularism, Apostasy and Usury in Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, hlm. 49.
- Al-Awa, Mohamed Salim, 1982. *Punishment in Islamic Law: A Comparative Study*. Indianapolis: American Trust Publications, hlm. 54-55.
- Al-Azadi, Abu Dawud Sulayman ibn al-Ash'at al-Sajastani, 1419H/1998. *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar Ibn Hazm, hlm. 657.
- Al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muhammad ibn Isma'il, 1419H/1999. *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam li-al-Nashr wa-al-Tawzi'.
- Al-Qaradawi, Yusuf, 1999. *Golongan Bukan Muslim dalam Masyarakat Islam*. Diterjemahkan oleh Arsil Ibrahim. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, hlm. 17.
- Al-Qaradawi, Yusuf, 2001. *Jarimah al-Riddah wa 'Uqabat al-Murtad fi Daw' al-Qur'an wa-al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari, t. th. *Al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an*. Jilid 5. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shawkani, Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad, t. th. *Nayl al-Awtar*. Jilid 7. Beirut: Mu'assasat al-Tarikh al-'Arabi.
- Al-Shawkani, Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad, 1418H/1998. *Fath al-Qadir al-Jami' bayn Fannay al-Riwayah wa-al-Dirayah min 'Ilm al-Tafsir*. Jilid 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Donna E. Arzt, 1996. "The Treatment of Religious Dissidents under Classical and Contemporary Islamic Law" dlm. John Witte, Jr. dan Johan D. van der Vyver (ed.). *Religious Human Rights in Global Perspective: Religious Perspective*. The Hague: Martinus Nijhoff Publishers, hlm.

387–453.

- Hashim Mehat, 1991. *Malaysian Law and Islamic Law on Sentencing*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Howard Davis, 2007. *Human Rights Law Directions*. Oxford: Oxford University Press, hlm. 344.
- ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il, 1420H/2000. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Jilid 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Jr. dan Johan D. van der Vyver (ed.). *Religious Human Rights in Global Perspective: Religious Perspective*. The Hague: Martinus Nijhoff Publishers, hlm. 387–453
- Kharofa. *Nationalism, Secularism, Apostasy and Usury in Islam*, hlm. 45–46.
- Malik ibn Anas, 1418H/1997. *Al-Muwatta'*. Beirut: Dar Ahya' al-Turath al-'Arabi, hlm. 454.
- Mohammad Hashim Kamali, 1998. *Freedom of Expression in Islam*. Edisi Semakan. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, hlm. 97–98.
- Muhammad Abu Zahrah, t. th. *Al-'Uqubah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, hlm. 172.
- Muhammad Muhsin Khan, 1997. *The Translation of the Meanings of Sahih Al-Bukhari: Arabic-English*. Jilid 3. Riyadh: Darussalam, hlm. 74.
- S. A. Rahman, 1996. *Punishment of Apostasy in Islam*. New Delhi: Kitab Bhavan, hlm. 38.
- Said Ibrahim, 1998. *Jinayah Murtad dari Sudut Hukum Syara' dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Sayyid Abul A'la Maududi, 1980. *The Islamic Law and Constitution*. Diterjemahkan oleh Khurshid Ahmad (ed.). Edisi ke-7. Lahore: Islamic Publications, hlm. 297.
- Shad Saleem Faruqi. "Separating Fact from Fiction" dlm. *The Star*, 2 Mei 2007, hlm. N41.
- Shamrahayu A. Aziz, 2012. "Islamic Concept of Human Rights" dlm. Abdul Ghafur Hamid @ Khin Maung Sein (ed.). *Human Rights Law: International, Malaysian and Islamic Perspectives*. Selangor: Sweet and Maxwell Asia, hlm. 321–31.
- Shaikh Shaukat Hussain, 2001. *Human Rights in Islam*. Edisi ke-3. New Delhi: Kitab Bhavan, hlm. 47–48.
- t.n. Department of States Bulletin, hlm. 751, 19 Disember 1948.

Diperoleh (*Received*): 12 Mei 2016

Diterima (*Accepted*): 27 September 2016